

***Pengarang untuk surat-menyurat:**

lahirux@gmail.com & Roxane.Andersen@uhi.ac.uk

URL: <http://onlinelibrary.wiley.com/doi/10.1111/gcb.13516/full>

Tajuk berturut:

Penafian isu-isu jangka panjang berkaitan pertanian di kawasan tanah gambut tropika

Kata kunci

Kawasan tanah gambut tropika, pertanian, kelestarian, perlepasan (emisi gas rumah kaca), pemendapan tanah, kelapa sawit, Acacia.

Jenis penulisan

Surat kepada Penyunting

Teks Utama:

Buat julung kalinya Kongres Gambut Antarabangsa telah diadakan di kawasan tropika - di Kuching (Malaysia), yang menyaksikan himpunan lebih 1000 peserta terdiri daripada kalangan penyelidik serta rakan industri dari seluruh pelusuk dunia (“International Peat Congress with over 1000 participants!,”2016). Kongres tersebut meliputi segala aspek ekosistem di kawasan tanah gambut tropika serta pengurusannya, dengan menitikberatkan cabaran-cabaran semasa berkaitan transformasi kawasan gambut tropika terhadap kawasan pertanian berskala besar khususnya dari segi alam sekitar, sosial dan ekonomi.

Walau bagaimanapun, usaha ke arah pengurusan pertanian yang lebih baik di kawasan gambut tropika baru-baru ini terjejas akibat kenyataan akhbar yang mengelirukan yang telah diterbitkan semasa persidangan itu berlangsung. Artikel dalam akhbar-akhbar utama serantau (“Oil palm planting on peat soil handled well, says Uggah,” 2016; Cheng & Sibon, 2016; Nurbianto, 2016a, 2016b; Wong, 2016) yang dibaca secara meluas oleh masyarakat setempat menggambarkan kesepakatan umum di kalangan penyelidik di persidangan tersebut, di mana amalan pertanian di tanah gambut tropika, contohnya perladangan kelapa sawit tidak mempunyai impak negatif kepada alam sekitar. Pandangan ini sebenarnya bercanggah dengan pendapat kebanyakan penyelidik, dan tidak disokong hasil kajian semasa yang melaporkan bahawa pengurusan secara konvensional (business-as-usual) tidak menjamin kelestarian pertanian di kawasan tanah gambut tropika.